

19 FEB 1998

MAHATHIR RASMI MESYUARAT AGUNG PPP SABTU

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan mesyuarat agung tahunan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), salah satu parti komponen Barisan Nasional (BN) di Pusat Islam, Sabtu ini.

Presiden PPP Datuk M.Kayveas berkata mesyuarat kali ini tidak membabitkan pemilihan pucuk pimpinan parti dan lebih bersifat sebagai majlis taklimat mengenai perkembangan terbaru dalam parti.

"Sebanyak 3,500 anggota dari seluruh negara dijangka menghadiri mesyuarat kali ini," katanya pada sidang berita hari ini.

Menurut beliau PPP akan meminta Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN memperuntukkan lima kerusi Parlimen dan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri untuk ditandingi oleh wakil PPP pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita berminat untuk bertanding di Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan," katanya.

PPP kini mempunyai 220,000 anggota. -- BERNAMA

NY NMO